

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG  
(ISKANDAR PUTERI)

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kutipan "*Road Charge*" yang dibayar oleh kenderaan asing yang memasuki Malaysia melalui Link Kedua dan Tambak Johor setiap tahun dari 2016 hingga 2019 dan sama ada Kerajaan berhasrat memanfaatkan hasil ini untuk menambahbaik pengangkutan awam di Tambak Johor dan Link Kedua.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan Caj Jalan yang dikenakan kepada kenderaan persendirian Singapura sehingga 30 September 2019 adalah sebanyak RM 316,419,780.00 Pecahan mengikut tahun ialah RM17,309,440.00 untuk tahun 2016, RM106,734,660.00 untuk tahun 2017, RM108,390,300.00 untuk tahun 2018 dan RM83,985,580.00 untuk tahun 2019 (sehingga 30 September 2019).

2. Kementerian Pengangkutan mengambil perhatian dan sedang meneliti, membuat kajian dan juga perancangan untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh negara termasuk di Negeri Johor. Sebarang mod pengangkutan yang akan dibangunkan bergantung kepada faktor-faktor seperti analisa *demand*, laluan dan faktor kewangan. Mod yang bersesuaian akan dipilih mengikut faktor-faktor ini samada di jalan atau rel.

Sekian, terima kasih.